

10/12/1999

Kabinet baru diumumkan hari ini (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan senarai Kabinet baru esok.

Perdana Menteri dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pada jam 10 pagi esok bagi mengemukakan cadangan pelantikan itu untuk perkenan Seri Paduka.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini menyebut, Dr Mahathir akan mengadakan sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, pada jam 4 petang bagi mengumumkan Kabinet barunya serta barisan anggota pentadbiran yang lain.

Istiadat pengurniaan surat cara pelantikan dan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia serta sumpah menyimpan rahsia oleh anggota Kabinet serta timbalan menteri di hadapan Yang Di-Pertuan Agong, dijadualkan di Istana Negara, Selasa ini.

Pada pilihan raya umum ke-10 baru-baru ini, Barisan Nasional (BN) mengekalkan majoriti dua pertiga dengan kemenangan 148 kerusi Parlimen. Baki 45 kerusi lagi dimenangi pembangkang iaitu 27 Pas, DAP (10), PBS (3) dan lima Parti Keadilan Nasional.

Sementara itu, Dr Mahathir dijangka mengekalkan kuota pengagihan jawatan anggota Kabinet dengan Umno, yang menjadi tulang belakang BN, mendapat 16 jawatan menteri penuh.

Ini diikuti MCA (empat), PBB (dua) manakala satu masing-masing untuk Gerakan, MIC, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Upko.

Difahamkan, tiada perubahan pada jumlah jawatan menteri penuh. Bagaimanapun parti komponen yang menunjukkan prestasi baik pada pilihan raya umum lalu kemungkinan diberi tambahan jawatan timbalan menteri.

Parti komponen yang mendapat kemenangan bagi semua calonnya kali ini ialah MIC, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), SUPP, PBDS, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

MIC menang di semua tujuh kerusi yang dipertandingkan, PBB (10), SUPP (tujuh), PBDS (enam), Snap (empat) dan LDP yang cuma diberi satu kerusi Parlimen, berjaya mengekalkannya.

Difahamkan, satu kementerian baru akan diwujudkan bagi menangani keadaan semasa terutama ancaman Pas dan soal kehakiman negara selain kemungkinan penggabungan sekurang-kurangnya dua kementerian.

Berikutan kekalahan beberapa menteri dan menteri yang tidak bertanding semula kali ini, sekurang-kurangnya tujuh muka baru dilantik bagi mengisi kekosongan itu.

Empat menteri yang tewas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamad yang juga Menteri Pembangunan Usahawan; dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, semuanya daripada Umno.

Tiga lagi menteri tidak bertanding iaitu Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek (MCA); Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha (PBB), kedua-duanya kerana bersara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli (Umno), kerana bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mohd Tajol yang menang kerusi DUN Kenering sudah dilantik sebagai Menteri Besar Perak yang baru, menggantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib. Ramli yang menang kerusi Parlimen Pasir Salak dijangka dilantik menteri

penuh dalam Kabinet Persekutuan.
(END)